

BH764

R BAH
MAHATHIR - MENANG

KOTA BAHARU, 29 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YAKIN BARISAN NASIONAL (BN) BOLEH MENANG DAN MEMBENTUK KERAJAAN DI KELANTAN JIKA PILIHAN RAYA UMUM DIADAKAN SEKARANG.

+SAYA BERPUAS HATI DENGAN HASIL LAWATAN INI DAN MENDAPATI PRESTASI BN SEMAKIN MENINGKAT. INI TERMASUKLAH DI KAWASAN GUA MUSANG.+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG KE-16 DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU MALAYSIA (DPPMM) CAWANGAN KELANTAN DI DEWAN SENI DI SINI HARI INI.

PERDANA MENTERI IALAH DALAM JANGKA LAWATAN DUA HARI KE KELANTAN DAN INI MERUPAKAN ACARA TERAKHIR SEBELUM BELIAU BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR.

BELIAU BERKATA, MUNGKIN ADA SATU, DUA KAWASAN YANG BN TERPAKSA BEKERJA KUAT, TETAPI PADA UMUMNYA BOLEH MENANG.

KETIKA MENJAWAB SOALAN SAMA ADA BN BOLEH MENAWAN GUA MUSANG. PERDANA MENTERI BERKATA: +SUDAH TENTU SAYA BERUSAHA (UNTUK) MENAWAN KAWASAN GUA MUSANG, JIKA TIDAK, APA PERLU BEKERJA KERAS.+ -- LAGI.
2328MST 29 09 90

BH765

R BAH
MAHATHIR - MENANG 2 KOTA BAHARU

SEBELUM ITU, SEMASA BERUCAP PERDANA MENTERI SECARA BERSELOROH BERKATA, WALAUPUN NAMA-NAMA CALON BAGI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG BELUM DIUMUMKAN TETAPI SUDAH ADA +ORANG+ MULA TEMPAH +BUSHJACKET+, +TETAPI INI TIDAK MENGAPA KERANA YANG UNTUNGNYA IALAH TUKANG JAHIT+, TAMBANYA DENGAN DISAMBUT KETAWA GEMURUH OLEH HADIRIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, RAKYAT PERLU BERBANGGA KERANA DALAM USAHA MENGIMBANGKAN PEMBAHAGIAN KEKAYAAN NEGARA ANTARA BUMIPUTERA DAN BUKAN BUMIPUTERA KERAJAAN TELAH DAPAT MENINGKATKAN PENCAPAIAN EKONOMI DENGAN BEGITU BAIK SEKALI.

BELIAU BERKATA, PENCAPAIAN INI BEGITU ISTIMEWA KERANA TIDAK SEMUA NEGARA YANG DAPAT MENINGKAT PERTUMBUHAN ENONOMI KEPADA 8.5 PERATUS SETAHUN SEPerti YANG DIRAMALKAN BAGI MALAYSIA TAHUN INI.

KATANYA, KERAJAAN JUGA DAPAT MENINGKAT EKONOMI BUMIPUTERA DARIPADA SATU PERATUS KEPADA 19 PERATUS SEKARANG. -- LAGI.
2331MST 29 09 90

BH766

R BAH
MAHATHIR - MENANG 3 KOTA BAHARU

MENURUTNYA WALAUPUN MENGIKUT JANGKAAN, SELEPAS TAMAT DASAR EKONOMI BARU (DEB), KAUM BUMIPUTERA SEPATUTNYA MEMILIKI 30 PERATUS DARIPADA KEKAYAAN NEGARA.

+ITU MATLAMAT, TETAPI SAMA ADA MATLAMAT ITU TERCAPAI ATAU TIDAK IA (SATU) PERKARA YANG LAIN,+ JELASNYA.

KATANYA, BANYAK LAGI IDEA BARU UNTUK MENGUNTINGKAN BUMIPUTERA SELEPAS DEB, TETAPI SIKAP BUMIPUTERA JUGA PERLU BERUBAH IAITU SEPerti PERLU BERSABAR, BERDISPLIN, SUSUN LANGKAH SECARA TERTIB DAN MEMULAKAN PERNIAGAAN SECARA KECIL-KECILAN, DI SAMPING KERAJAAN JUGA TERPAKSA MEMBERI PENDEKATAN BARU BERDASARKAN KESILAPAN PENGALAMAN LEPAS.

BELIAU BERKATA, JANGAN TERLALU HENDAK KAYA CEPAT SEHINGGA MELAKUKAN SESUATU TANPA MEMBUAT SEBARANG PERHITUNGAN.

KATANYA, ADA ORANG YANG INGIN CEPAT KAYA SEHINGGA MEMASUKKAN WANG DALAM SKIM YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DAN APABILA WANG LESAP MINTA KERAJAAN BAYAR BALIK KEPADA MEREKA DAN SEKIRANYA KERAJAAN TIDAK BERBUAT DEMIKIAN MEREKA MENGUGUT TIDAK MAHU MENGUNDI ATAU TIDAK MAHU MENYOKONG KERAJAAN. -- BERNAMA.
2052MST 29 09 90